



TABUNG KHAIRAT KEMATIAN (TKK) SURAU AS-SYAKIRIN **TAMAN PINGGIRAN USJ, SUBANG JAYA, SELANGOR**

1.0 PENGENALAN

Tabung Khairat Kematian (**TKK**) Surau As-Syakirin telah ditubuhkan pada tahun 2009 oleh pihak Jawatankuasa Surau As-Syakirin yang telah bermesyuarat pada 20 Mei 2009. AJK TKK adalah bernaung di bawah Jawatankuasa Surau As-Syakirin. Keahlian TKK adalah terbuka kepada semua ahli kariah Surau As-Syakirin yang bermastautin di **TPUSJ1**, **TPUSJ2**, **TPUSJ3** dan **TPUEP**.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan maklumat dan garis panduan berkenaan TKK kepada seluruh ahli kariah Surau As-Syakirin.
- 2.2 Menjadi pemudah-cara (fasilitator) kepada waris di dalam hal ehwal menguruskan sesuatu kematian yang berlaku di dalam kariah Surau As-Syakirin.
- 2.3 Menyalurkan bantuan kewangan kepada waris untuk meringankan beban kepada keluarga si mati.

3.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan TKK ini adalah terbuka kepada semua ahli kariah Surau As-Syakirin yang beragama Islam dan **bermastautin di TPUSJ1, TPUSJ2, TPUSJ3 dan TPUEP.**
- 3.2 Setiap satu penyertaan adalah untuk **satu keluarga sahaja** di bawah satu tanggungan yang sama di dalam satu rumah yang terdiri daripada:
- 3.2.1 **Ketua Keluarga (Bapa)**
 - 3.2.2 **Pasangan (Isteri)**
 - 3.2.3 **Tiada had bilangan anak jika berumur tidak melebihi 21 tahun ATAU**
 - 3.2.4 **Anak berumur 22 tahun ke atas yang:**
 - 3.2.4.1 **Masih Belajar**
 - 3.2.4.2 **Tidak Bekerja**
 - 3.2.4.3 **Belum Berkahwin,**
ATAU
 - 3.2.5 **Ahli keluarga yang tinggal bersama:**
 - 3.2.5.1 **Ibu dan Bapa Kandung ATAU**
 - 3.2.5.2 **Ibu dan Bapa Mertua**
- 3.2.6 Bagi keluarga yang mempunyai **lebih ahli keluarga** selain daripada yang dinyatakan di atas, maka adalah perlu untuk membuat **dua(2) penyertaan.**
- 3.2.7 Bagi anak yang telah berkahwin, namanya secara automatic akan terkeluar daripada senarai penyertaan. Dan jika dia masih menetap bersama ibubapa serta ingin meneruskan penyertaan, maka dia perlu menghantar permohonan baru kepada jawatankuasa khairat kematian.
- 3.2.8 Bagi Ketua Keluarga (Bapa) yang mempunyai lebih daripada seorang isteri, maka adalah perlu bagi dia untuk menghantar dua(2) borang penyertaan secara berasingan dengan syarat kedua-dua isteri duduk di PUSJ.

4.0 PENDAFTRAAN

- 4.1 Tempoh penyertaan bagi TTK ini adalah bermula pada **1 Syawal setiap tahun sehingga 30 Ramadhan** pada tahun berikutnya (12 bulan).
- 4.2 Pendaftaran untuk penyertaan adalah terbuka sepanjang tahun. Namun begitu, pihak AJK TTK akan mengadakan promosi untuk pendaftaran dan pembaharuan penyertaan di sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun.
- 4.3 Senarai ahli keluarga perlulah didaftarkan dengan terperinci di dalam Borang Permohonan yang disediakan bagi memudahkan urusan pentadbiran. *(Sila lampirkan dokumen pengenalan yang dikehendaki).*
- 4.4 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada AJK TTK yang telah dilantik beserta dengan **Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan**.
- 4.5 Pembaharuan penyertaan akan dibuat pada bulan Ramadhan setiap tahun, di mana peserta berdaftar hanya perlu menjelaskan **Yuran Tahunan**.
- 4.6 Peserta yang gagal menjelaskan yuran selepas 1 Syawal dianggap tidak berminat untuk meneruskan penyertaan di dalam Tabung Khairat Kematian ini dan namanya akan dikeluarkan daripada senarai keahlian. Ini bermakna, peserta ini akan hilang kelayakan untuk menerima sebarang faedah dan manfaat yang telah diperuntukkan di dalam skim ini.
- 4.7 Penyertaan bagi peserta yang telah berpindah adalah terbatal secara automatik
- 4.8 Peserta yang telah dibatalkan keahlian perlu mendaftar semula dengan mengisi borang permohonan *(Rujuk perkara 4.4)*

5.0 YURAN

- 5.1 TTK mempunyai dua jenis yuran seperti berikut:
 - 5.1.1 Yuran Pendaftaran sebanyak **RM10** untuk setiap pendaftaran baru sahaja.
 - 5.1.2 Yuran Tahunan sebanyak **RM50** untuk penyertaan baru atau pembaharuan.
- 5.2 TTK ini **TIDAK** mencarum di mana-mana Syarikat Insurans.

- 5.3 Semua bayaran yuran yang diterima daripada setiap peserta akan disimpan dan diuruskan oleh AJK TTK yang bertanggungjawab. Tabung ini mempunyai satu akaun simpanan khas bagi tujuan ini.
- 5.4 Semua peserta dikehendaki menjelaskan Yuran Tahunan sebelum 1 Syawal setiap tahun. Peringatan mengenai perkara ini akan dibuat bermula 1 Ramadhan setiap tahun.
- 5.5 Bagi peserta yang menarik diri atau peserta yang dibatalkan penyertaannya, segala yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

6.0 FAEDAH DAN MANFAAT

- 6.1 Berikut adalah Faedah tunai oleh TTK Surau As-Syakirin, yang akan diberikan kepada waris:
 - 6.1.1 Jika simati adalah **Ketua Keluarga (Bapa)**, waris akan mendapat **RM 2,000**
 - 6.1.2 Jika simati adalah **Pasangan (Isteri)**, waris akan mendapat **RM 2,000**
 - 6.1.3 Jika simati adalah **anak atau peserta2 lain**, waris akan mendapat **RM 1,500**

*Nota: **Bayaran manfaat di atas adalah tertakluk kepada maksimum 3 kematian sahaja dalam satu keluarga bagi tahun perlindungan yang sama***

- 6.2 Penyertaan yang telah terbatal adalah **tidak layak** untuk menerima segala faedah dan manfaat yang diperuntukkan di dalam TTK ini.
- 6.3 Jika baki akaun Tabung Khairat Kematian berada di tahap minimum, maka bayaran faedah tunai kepada waris adalah tertakluk kepada budi bicara AJK TTK yang terlibat.
- 6.4 Sejumlah wang dari akaun TTK ini akan digunakan oleh AJK TTK untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran.

7.0 PENGURUSAN JENAZAH (Sila Rujuk Carta Aliran Pengurusan Jenazah)

- 7.1 Apabila AJK TTK dimaklumkan berkenaan sesuatu kematian, maka AJK TTK akan memberikan maklumat dan panduan kepada waris tentang hal ehwal pengurusan jenazah.

7.2 AJK TTK seterusnya akan menghubungi pihak Masjid Jamek Fastabiqul Khairat (MJFK) Batu 3 untuk menyempurnakan pengurusan jenazah.

7.3 Berikut adalah pasukan Pengurusan Jenazah MJFK Batu3

7.3.1 Tn Hj Sallehuddin 012-236 8451

7.4 Kos Pengurusan Jenazah adalah di bawah tanggungjawab waris si mati dan ianya meliputi:

7.4.1	Kain Kapan & Barangan Mandi Jenazah	RM200
7.4.2	Urusan Mandi Jenazah	RM100
7.4.3	Imam Solat Jenazah / Talqin	RM100
7.4.4	Papan Lahad	RM150
7.4.5	Penggali Kubur	RM150
7.4.6	Pemandu Van Jenazah	RM 50
7.4.7	Lain-lain	RM100

7.5 Kadar kos penggunaan Van Jenazah di luar Kawasan Kariah MJFK akan dikenakan caj sebanyak **RM1.50 bagi setiap kilometer (km) perjalanan.**

7.6 Semua bayaran ini hendaklah diserahkan kepada Biro Khairat Masjid Jamek Fastabiqul Khairat (MJFK) yang bertugas.

7.7 Berikut adalah **AJK TTK Surau As-Syakirin bagi tahun 2020 – 2026:**

7.7.1	Tn Hj Mohd Zain Senan	012-605 5570
7.7.2	Tn Hj Norul Affendy Mohd Sallehudin	019-314 9588
7.7.3	Abd Halim (TPUSJ1)	012-639 3755
7.7.4	Mat Roni (TPUEP)	019-330 2931

7.8 Sila berhubung dengan mana-mana AJK di atas sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau pertanyaan mengenai TTK.

7.9 Pihak jawatankuasa Surau dan AJK TTK adalah berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat di atas mengikut keperluan semasa. Keputusan jawatankuasa surau dan AJK TTK adalah muktamad.

Carta Aliran Pengurusan Jenazah Surau As-Syakirin



